



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOBOMOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-11031980 / WWW.PIKM.MY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2022(18)

10 JUN 2022

Presiden
DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF

Timbalan Presiden
MOHAMMAD UBAIDILLAH BIN IMAN

Naib Presiden
DATO' HJ, JAAFAR BIN HJ, MAT
BRIG JEN DATO' ZAINAL BIN ABD RAHMAN
TUOM (B)
SALIZA ABDULLAH

Setiausaha Kehormat
DATO' HABIBULLAH BIN DATO' HJ, AHMAD

Bendahari Kehormat
FIKHRAN HAMSHI BIN TAN SRI MOHAMAD
FATMI

Penolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

Penolong Bendahari
AINI SURAYA BT DATUK OSMAN

Ahli-ahli Jawatankuasa
KAPTEN DATO' ISMAIL BIN ISHAK (B)
DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR
DATUK HJ, ZAIDI BIN MOHAMED
MEJAR MOHD ZAINAL BIN JUNI (B)
IR, SOFIA BT DATO' IR, HJ, JOHARI
DATUK M, SHANKER RAJ AYANGER
ACP, ZAKARIA BIN ADAM (B)
DATO' DR BASANT SINGH SIDHU
DATO' DR. YUNUS BIN RAHMAT

Juruaudit Dalaman
MOHD HODORI BIN SARBINI
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi WP Kuala Lumpur
ADILA BIN DATO' ABDULLAH

Pengerusi Negeri Selangor
DATO' DR. S. PRABAKARAN

Pengerusi Negeri Johor
DATUK HJ, MHD, TAHIR BIN HJ, MOHD NOAH

Pengerusi Negeri Perak
ZAITON BT MOHD NUSI

Pengerusi Negeri Kelantan
HJ, AFENDI BIN MUKHTAR

Pengerusi Negeri Terengganu
CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

Pengerusi Negeri Pahang
MOHAMAD TARMIZI BIN MOHAMAD GHANI

Pengerusi Negeri Pulau Pinang
MUHAMMAD SYAPIQ BIN HJ, ISHAK

Pengerusi Negeri Kedah & Perlis
DATO' HJ, MD ROSLI BIN HJ, ABD WAHAB

Pengerusi Negeri Melaka
DATO' SRI GAN PENG LAM

Pengerusi Negeri Sembilan
HJ, KHAIDZER BIN HJ, KEDAH

Pengerusi Negeri Sabah
MOHD ISMAIL BIN HJ, AYOB

Pengerusi Negeri Sarawak
SHAHARUDDIN BIN SAMSI

Sekretariat

Pengurus Besar
JEFF NOR JETTEY

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE-18/2022: HASIL SESI PERBINCANGAN PIKM BERSAMA MAJLIS PERUNDINGAN GAJI NEGARA (MPGN) BERHUBUNG ISU PELAKSANAAN PERINTAH GAJI MINIMUM 2022

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa PIKM telah mengadakan sesi perbincangan Bersama Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN), Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Aminuddin Bin Ab Rahman, Setiausaha MPGN secara atas talian pada 9 Jun 2022. Perbincangan ini berhubung isu pelaksanaan Perintah Gaji Minimum (PGM) 2022. Berikut merupakan ringkasan intipati bagi perbincangan tersebut:

2.1 : Permohonan penangguhan pelaksanaan PGM 2022 bagi Industri Keselamatan Swasta.

Maklum balas MPGN: Tiada pengecualian diberikan bagi pelaksanaan PGM 2022 dan pelaksanaan ini terpakai bagi semua sektor majikan. Penangguhan pelaksanaan PGM 2022 sehingga Januari 2023 ini hanya diberikan kepada majikan yang menggajikan kurang lima (5) orang pekerja sahaja. Bagi majikan yang menggajikan lebih lima (5) orang pekerja berserta majikan yang menjalankan aktiviti professional di bawah MASCO tanpa mengira bilangan pekerja, kedua-dua kategori ini perlu melaksanakan PGM 2022 mulai 1 Mei 2022.

2.2 Isu pelarasan harga kontrak perolehan dengan agensi Kerajaan selaras dengan kenaikan PGM 2022

Maklum balas MPGN: Seperti yang dimaklumkan melalui Surat Edaran PIKM ke-16/2022, Bahagian Perolehan Kerajaan (BPK), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah mengeluarkan surat pekeliling kepada semua Kementerian dan Jabatan Persekutuan supaya nilai kontrak perolehan yang berkuatkuasa diselaraskan berdasarkan pelaksanaan PGM 2022. Walau bagaimanapun, permohonan PIKM untuk mendapatkan salinan surat pekeliling tersebut untuk dikongsikan kepada semua ahli tidak mendapat kebenaran MPGN kerana ianya untuk edaran dalaman sahaja. PIKM telah mengemukakan bukti bayaran PGM 2018 yang masih tertunggak meskipun telah memasuki fasa PGM 2022.

Selain pelarasan kontrak secara automatik, PIKM turut mengetengahkan cadangan pelepasan kontrak lama, tanpa penahanan Bon Pelaksanaan sekiranya pelarasan kontrak tidak dilaksanakan pihak kerajaan dalam masa terdekat. Pihak MPGN turut mengambil maklum isu pelarasan PGM 2022 dan berpendapat kerajaan seharusnya telah bersedia dengan pelarasan kontrak memandangkan warta PGM 2022 adalah keputusan kerajaan. Untuk itu, MPGN akan mengadakan perbincangan lanjut bersama BPK MOF. PIKM akan mendapatkan maklumbalas selanjutnya daripada MPGN berhubung isu ini selain memohon MPGN mengatur satu pertemuan bersama pihak MOF.

2.3 Kajian Kenaikan Gaji Minimum setiap dua (2) tahun

Maklum balas MPGN: Merujuk kepada pelaksanaan gaji minimum pada tahun-tahun sebelum, kenaikan gaji minimum dilaksanakan pada setiap dua (2) tahun. Bagi menangani isu impak kenaikan PGM terhadap kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan, PIKM diminta untuk bersedia bagi kenaikan gaji minimum pada setiap dua (2) tahun akan datang dalam pengiraan dan penetapan gaji bagi kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan supaya kontrak tersebut selaras dengan perubahan perintah gaji minimum. MOF juga akan mengkaji semula kontrak perolehan Kerajaan supaya lebih fleksibel dan penyelarasan dari segi kontrak perolehan secara automatik ini dapat disegerakan.

2.4 Keanggotaan PIKM di dalam MPGN sebagai Wakil Majikan

Maklum balas MPGN: Pelantikan sebagai ahli MPGN adalah di bawah kuasa Menteri Sumber Manusia. Keanggotaan ahli MPGN kini akan berakhir pada Disember 2023. Mengikut Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011, keanggotaan MPGN adalah terhad dengan dianggotai oleh wakil majikan, pekerja, anggota kerajaan dan pakar yang akan menganalisis, membuat rundingan dan berbahas mengenai gaji minimum. MPGN akan mengkaji semula keperluan Keanggotaan PIKM di dalam MPGN untuk mewakili Industri Keselamatan Swasta. MPGN turut mengendalikan sesi libat urus sebelum pelaksanaan gaji minimum yang melibatkan wakil-wakil dari pelbagai persatuan dan sektor. Menerusi libat urus ini, ia membolehkan setiap wakil persatuan/sector mengutarakan pendapat dan isu yang dihadapi berkaitan gaji minimum untuk pertimbangan pihak MPGN.

2.5 Struktur pengiraan gaji bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan

Maklum balas MPGN: Pihak MPGN berpandangan bahawa setiap kontrak perkhidmatan perlu lebih fleksibel dan tidak boleh mengatasi peruntukan undang-undang seperti yang termaktub di dalam Akta Kerja 1995. Pihak PIKM turut dimaklumkan bahawa kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan perlu dipertimbangkan lebih lanjut di antara pihak majikan dan pekerja di mana penggajian tidak perlu berdasarkan kerja lebihan masa (*overtime*). Pihak MPGN turut berpandangan bahawa hari kerja biasa adalah 8 jam dan *overtime* 4 jam adalah berdasarkan persetujuan di antara pihak majikan dan pekerja. Sehubungan itu, pihak MPGN telah mengadakan perbincangan lebih lanjut bersama MOF dan pihak MOF akan mengkaji semula kontrak-kontrak perolehan supaya ianya lebih fleksibel.


2.6 Bengkel Perbincangan Struktur Gaji bagi Industri Kawalan Keselamatan

Maklum balas MPGN: Pihak MPGN mengambil maklum permohonan PIKM untuk mengadakan Bengkel Kajian Struktur Gaji bersama wakil-wakil kementerian yang akan dipengerusikan oleh pihak MPGN. Bengkel ini bertujuan untuk mengaturkan perbincangan penetapan struktur gaji serta menambah baik pembentukan kontrak khidmat kawalan keselamatan. Oleh demikian, pihak MPGN bersedia untuk mengadakan perbincangan lebih lanjut bersama PIKM mengenai penganjuran bengkel tersebut.

Untuk makluman dan perhatian ahli-ahli PIKM.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF
PRESIDEN